



# PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM.

BULETIN 2/2021

## 5 TAHAP JANGKITAN COVID-19 PADA MANUSIA

*Staging of COVID-19 infection*



**88% pesakit positif #COVID19 di Malaysia berada di tahap satu dan dua.**

*88% COVID-19 patients in Malaysia are at stage 1 and 2*



**Tahap 1**  
(Clinical Stage 1):  
Tidak bergejala

*Stage 1: Asymptomatic*



**Tahap 2**  
(Clinical Stage 2):  
Bergejala tanpa radang paru-paru

*Stage 2: Symptomatic,  
No Pneumonia*



**Tahap 3**  
(Clinical Stage 3):  
Bergejala dengan radang paru-paru

*Stage 3: Symptomatic, Pneumonia*



**Tahap 4**  
(Clinical Stage 4):  
Bergejala, terdapat radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen

*Stage 4: Symptomatic, Pneumonia,  
Requiring supplemental oxygen*



**Tahap 5**  
(Clinical Stage 5):  
Pesakit kritikal dengan penglibatan multiorgan

*Stage 5: Critically ill with multiorgan  
involvement*



## Persiapan sebelum pergi ke Pusat Imunisasi Vaksin COVID-19



Bagi warga emas dan orang kurang upaya digalakkan datang bersama pengiring.



Anda telah memuat turun, mengaktifkan dan mengemas kini maklumat peribadi anda di dalam aplikasi MySejahtera.



Anda telah menjawab semua soalan penilaian kesihatan di dalam MySejahtera.



Bawa bersama - sama Kad Pengenalan dan telefon bimbit yang mengandungi aplikasi MySejahtera yang telah diaktifkan.



Pakai pakaian yang sesuai seperti:  
A. Pakaian berlengan pendek  
B. Pakaian berlengan panjang yang longgar dan boleh dilipat ke pangkal lengan.



Datang ke lokasi pusat pemberian vaksin pada tarikh dan masa yang ditetapkan.



Baca dan fahami Borang Persetujuan Suntikan Vaksin COVID-19 dan turunkan tandatangan jika bersetuju.



\*Sila bawa kad klinik bagi yang ada penyakit.



# PROGRAM DAN AKTIVITI



<http://www2.selangor.gov.my/sabakbernam.php>



<https://twitter.com/pdtsbernam>



<https://facebook.com/pejabat.sabakbernam>

# **LAPORAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

**BULAN**


**MEI**

**2021**

---

# **SESI PERBINCANGAN ATAS TALIAN BERKENAAN STATUS TERKINI COVID19 DAERAH SABAK BERNAM**


**21 MEI 2021**



Berkaitan dengan status terkini COVID19 di Daerah Sabak Bernam, agensi kerajaan telah mengadakan sesi perbincangan atas talian untuk membincangkan perkara - perkara yang berkaitan dengan COVID19. Dengan menggunakan aplikasi "google meet", perbincangan dapat dijalankan dengan lancar dan komitmen yang diberikan juga baik.

## SESI PERBINCANGAN ATAS TALIAN BERKAITAN COVID19 KLUSTER JALAN KENANGA PERTAMA

Pada 22 Mei 2021, sesi perbincangan atas talian berkaitan COVID19 Kluster Jalan Kenanga Pertama telah diadakan. Agensi kerajaan Daerah Sabak Bernam menggunakan aplikasi "google meet" untuk melakukan perbincangan. Perbincangan telah dilaksanakan secara menyeluruh mengenai Kluster Jalan Kenanga Pertama dan pelbagai aspek meliputi pengurusan pandemik COVID19 di Daerah Sabak Bernam.




26 MEI 2021

# SESI PERBINCANGAN KEDUA ATAS TALIAN BERKAITAN COVID19 KLUSTER JALAN KENANGA PERTAMA

Sesi perbincangan kedua telah dilaksanakan pada 26 Mei 2021. Agensi kerajaan yang terlibat bersama-sama membincangkan masalah berkaitan COVID19 di Daerah Sabak Bernam.

Mesyuarat diadakan untuk memastikan aspek keselamatan, kesihatan dan kebajikan penduduk.



# KERTAS CADANGAN PKPD DIKEMUKAKAN KE MKN SELANGOR DAN KKM

Kertas cadangan PKPD telah dikemukakan ke MKN Selangor dan KKM. Skop Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Taman Pertama, Taman Serendah dan Taman Prima Daerah Sabak Bernam Selangor turut disertakan dalam kertas cadangan.

Aktiviti dibenarkan	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
<b>AKTIVITI DI DALAM PROTOKOL</b>						
	Tindakan	Penerangan Ringkas				
<b>Aktiviti di dalam Kawasan PKPD</b>						
<ul style="list-style-type: none"> <li>Seorang (1) wakil dari setiap rumah membeli barang keperluan &amp; perkhidmatan perlu (essential services)</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Premis yang menjual barang keperluan asas dibenarkan beroperasi didalam kawasan PKPD dengan mendapatkan kebenaran dari Bilik Gerakan PKOB.</li> <li>KKM akan melaksanakan saringan kepada semua penduduk di dalam kawasan PKPD</li> <li>Bantuan bakiar bagi penduduk yang memerlukan akan diselaras oleh Bilik Gerakan PKOB.</li> <li>Sebarang aktiviti rekreasi, sosial dan kebudayaan adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD.</li> <li>Aktiviti keagamaan di surau dan masjid adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD.</li> <li>Sebarang bantuan oleh NGO sepanjang tempoh PKPD hendaklah melalui Bilik Gerakan PKOB.</li> </ul>			
<b>Arahan Tetap</b>						
<ul style="list-style-type: none"> <li>Subseksyen 11 (3) Akta 342</li> <li>Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM</li> <li>Arahan dan peraturan di bawah PBT</li> <li>Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta 342</li> </ul>						

Activate Windows.  
Go to Settings to activate Windows.

Aktiviti dibenarkan	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
<b>AKTIVITI DI DALAM PROTOKOL</b>						
	Tindakan	Penerangan Ringkas				
<b>Kawasan Yang Terlibat</b>						
		Fasa 1 sehingga Fasa 4 Taman Pertama , Taman Serendah (1 dan 2), dan Taman Prima				
<b>Tempoh Berkuatkuasa</b>						
		30 Mei 2021 (12.01 pagi) sehingga 12 Jun 2021 (11.59 malam)				
<b>Kawalan Pergerakan</b>						
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM.</li> <li>Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jang bantuan APM, RELA &amp; PBT.</li> <li>Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD adalah ditutup dan dikawal oleh PDRM</li> <li>Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar dari rumah/kediaman mereka</li> <li>Kebenaran untuk bekerja hanya bagi petugas di Hospital Sabak Bernam dengan kaedah pengangkutan bas/ferry yang akan diselaras oleh Bilik Gerakan Pusat Kawasan (PKOB).</li> <li>Seorang (1) wakil dari setiap rumah dibenarkan untuk keluar rumah bagi membeli keperluan asas di dalam kawasan PKPD.</li> <li>Kekurangan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana bersama PDRM.</li> <li>Perkhidmatan penghantaran (food panda &amp; grab) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD.</li> <li>Bagi kes kecemasan seperti sakit atau kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar/masuk ke dalam kawasan PKPD bagi menghantar bekalan kepada mereka.</li> <li>Pergerakan keluar/masuk ke dalam kawasan PKPD bagi menghantar bekalan kepada mereka.</li> </ul>			
<ul style="list-style-type: none"> <li>Subseksyen 11 (3) Akta 342</li> <li>Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM</li> <li>Arahan dan peraturan di bawah PBT</li> <li>Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta 342</li> </ul>						



27 MEI 2021

# SESI PERBINCANGAN PELAKSANAAN PKPD DI PPD

---

Sesi perbincangan pelaksanaan PKPD di PPD telah berlangsung pada 27 Mei 2021. Agensi kerajaan yang hadir telah mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan semasa sesi perbincangan berlangsung.



# **ATAS ARAHAN MKN DAN KKM, PKPD AKAN DILAKSANAKAN BERMULA 30 MEI HINGGA 12 JUN 2021**

**28 MEI 2021**



PKPD dilaksanakan selama 14 hari iaitu bermula 30 Mei sehingga 12 Jun 2021 atas arahan MKN dan KKM. Agensi kerajaan Daerah Sabak Bernam telah mengambil bahagian dalam melakukan persediaan untuk menjalani PKPD di kawasan penularan wabak COVID19.



# MESYUARAT TEKNIKAL PKPD DI TAMAN PERTAMA, TAMAN SERENDAH DAN TAMAN PRIMA

30 MEI - 12 JUN 2021



**Mesyuarat teknikal telah dilaksanakan setiap hari sepanjang PKPD berlangsung bermula 30 Mei sehingga 12 Jun 2021. Mesyuarat ini bertujuan bagi menyelaras dan memantau pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) iaitu selama 14 hari.**



# **PERSEDIAAN PEMBUKAAN PKOB**

**29 MEI 2021**

Pada 29 Mei 2021, persediaan pembukaan PKOB di kawasan yang terlibat telah dilaksanakan. Tujuannya untuk menyelaras dan mengawasi perkembangan usaha- usaha dalam menangani masalah pandemik COVID19, operasi mencari dan menyelamat serta bantuan kecemasan dapat dilaksanakan dengan kadar segera, teratur dan berkesan untuk penduduk yang terlibat. Penguatkuasaan di kawasan PKPD telah menggunakan pemasangan pagar kawad duri dan penghadang jalan. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah ditugaskan untuk membantu memasang pagar kawad duri di kawasan yang terlibat.



# PKPD DILAKSANAKAN

Pelaksanaan PKPD telah bermula 30 Mei hingga 12 Jun 2021. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam merupakan agensi utama untuk menggerakkan pelaksanaan PKPD di samping kerjasama daripada semua agensi terutamanya Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam bagi tujuan untuk membendung jangkitan COVID19 daripada menular keluar dari kawasan tersebut.





**BULAN  
JUN  
2021**



# LAWATAN MB

2 JUN 2021

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah melakukan lawatan ke PKOB PKPD Daerah Sabak Bernam. Majlis Keselamatan Negara (MKN) cawangan Negeri Selangor juga turut menyertai lawatan ini. Sidang media telah dilaksanakan pada hari kejadian. Menteri Besar telah meluangkan masa bersama agensi kerajaan dan juga penduduk kawasan yang terlibat dengan PKPD. Menteri Besar juga telah menyampaikan bantuan barang keperluan termasuk makanan dan minuman kepada penduduk.



# SUMBANGAN DAN AGIHAN DARI ADUN, PARLIMEN DAN NGO

30 MEI - 12 JUN



Sepanjang tempoh PKPD, pelbagai sumbangan dan agihan telah diterima daripada pelbagai pihak terutamanya dari ADUN, PARLIMEN dan NGO untuk penduduk kawasan PKPD yang terlibat. Sumbangan yang diberi adalah untuk mengurangkan beban penduduk yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

---

12 JUN 2021

---

## PENUTUPAN PKOB DAN PKPD BERAKHIR



Pada 12 Jun 2021, PKOB PKPD bagi Daerah Sabak Bernam telah berakhir. Sijil penghargaan dan sedikit sumbangan telah diberikan kepada semua agensi kerajaan yang terlibat dalam menjayakan PKPD di ketiga-tiga taman perumahan. Berdasarkan bancian MDSB mendapati seramai 876 isi rumah yang menetap di tiga taman perumahan terbabit.

# ■ OPERASI MEMBUKA SEMULA PERALATAN LOGISTIK

13 JUN 2021

*Penduduk kawasan yang terlibat dengan PKPD telah selesai menjalani tempoh pelaksanaan PKPD selama 14 hari bermula pada 30 Mei hingga 12 Jun 2021.*

*Operasi membuka semula peralatan logistik telah dilakukan. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah melakukan kerja kerja pembukaan pagar kawad duri untuk memudahkan pergerakan keluar dan masuk bagi penduduk kawasan yang terlibat.*





**JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA**  
**TUAN AMRI BIN ISMAIL,**  
**ENCIK MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI,**  
**ENCIK ZAIN AZMI BIN MOHD NOR,**  
**ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM,**  
**ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

**DAN**

**SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK YANG TERLIBAT SECARA  
LANGSUNG ATAU SECARA TIDAK LANGSUNG DALAM  
MENJAYAKAN BULETIN PDTSB BIL.02/2021  
( MEI HINGGA JUN 2021 )**

